



MEMORANDUM

Kepada : Tarikh : 12 Januari 2007
Puan Hajah Salmiah Che Puteh Rujukan : USM.17/BEND(o)TSP/2/2007
Timbalan Bendahari
Bahagian Perancangan & Perkhidmatan Kewangan
Jabatan Bendahari

Tn. Hj. Zulkifli Mohamad
Timbalan Bendahari
Jabatan Bendahari
Kampus Kesihatan

En. Mohammad Abdullah
Ketua Penolong Bendahari
Seksyen Bayaran
Jabatan Bendahari

En. Ismail Jamaluddin
Ketua Penolong Bendahari
Jabatan Bendahari
Kampus Kejuruteraan



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

TATACARA SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER BILANGAN 2 TAHUN 2007 Struktur Kod Akaun Tabung Penggantian Aset Universiti

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini disertakan **Tatacara Sistem Perakaunan Berkomputer Bilangan 2 Tahun 2007 : Struktur Kod Akaun Tabung Penggantian Aset Universiti** untuk makluman dan tindakan selanjutnya.
3. Garis panduan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2007.
4. Kerjasama tuan/puan dalam perkara di atas didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian والسلام

(ROHAYATI MOHD. ISA)
Timbalan Bendahari
Seksyen Akaun, Sistem & Pengurusan Data
Jabatan Bendahari

s.k. Bendahari
Universiti Sains Malaysia

JABATAN BENDAHARI

BURSARY

11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

Tel: 604-653 3888 ext:3480/4084/4283/4182/4288; Fax: 604-659 0927; Website: www.usm.my



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**TATACARA SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER
BILANGAN 2 TAHUN 2007**

STRUKTUR KOD AKAUN TABUNG PENGGANTIAN ASET UNIVERSITI

TUJUAN

1. Tatacara ini bertujuan untuk memaklumkan **Struktur Kod Akaun Tabung Penggantian Aset Universiti** yang akan digunakan di dalam sistem perakaunan berkomputer Universiti.


STRUKTUR KOD AKAUN

2. **Struktur Kod Akaun Tabung Penggantian Aset Universiti** adalah seperti berikut:

2.1. Struktur Kod Akaun

| | | |
|----------|---|------|
| Elemen 1 | = | 311 |
| Elemen 4 | = | AUSM |

Struktur Elemen 5



Kod Elemen 5 didalam  digunakan didalam transaksi kewangan

* Kod kumpulan digunakan untuk laporan dan pertanyaan.

2.2. Penggunaan Kod Akaun

2.2.1. Kampus Induk

Lejar kod akaun ini akan disenggara di dalam Sistem Lejar AM Kampus Induk. Kampus Induk akan memproses semua transaksi sehingga proses bayaran kepada pembekal dari proses komitmen hingga ke proses cetakan cek atau ibg bagi semua projek Pusat Tanggungjawab Kampus Induk. Kampus Induk juga bertanggungjawab untuk berurusan dengan pihak Unit Belanjawan Kampus Induk sekiranya timbul masalah kekurangan peruntukan bagi projek Pusat Tanggungjawab Kampus Induk.

Kampus Induk juga bertanggungjawab memproses transaksi projek Pusat Tanggungjawab Kampus Cawangan daripada peringkat "Intray" hinggalah ke proses cetakan cek atau IBG setelah menerima dokumen lengkap untuk bayaran daripada Kampus Cawangan.

Kampus Induk juga bertanggungjawab mempermodakan perolehan aset di dalam Sistem Pengurusan Aset bagi kesemua transaksi dan mencetak label bagi aset berkenaan. Label bagi aset Kampus Cawangan akan dikemukakan kepada Kampus Cawangan untuk dilekatkan pada aset berkaitan.

Kampus Induk adalah bertanggungjawab dalam urusan penyediaan laporan bagi Akaun Tabung Penggantian Aset Universiti untuk pihak pengurusan Universiti.

2.2.2. Kampus Cawangan

Kampus Cawangan akan diberi kebenaran untuk mengakses Sistem Lejar AM Kampus Induk bagi lejar Akaun Tabung Penggantian Aset Universiti Pusat Tanggungjawab Kampus Cawangan berkenaan sahaja bagi tujuan menjalankan transaksi sehingga ke peringkat "Intray". Kampus Cawangan juga bertanggungjawab untuk berurusan dengan pihak Unit Belanjawan Kampus Induk sekiranya timbul masalah kekurangan peruntukan bagi projek Pusat Tanggungjawab Kampus Cawangan.

Urusan pengeposan ke "Book" akan dijalankan oleh Kampus Induk setelah dokumen lengkap bagi transaksi terlibat diterima daripada Kampus Cawangan. Kampus Cawangan adalah bertanggungjawab sepenuhnya keatas ketepatan dan kesahihan transaksi yang telah dipos ke "Intray" dan dokumen lengkap yang dikemukakan kepada pihak Kampus Induk.

Kampus Induk adalah bertanggungjawab untuk menyemak ketepatan maklumat pembekal dan dokumen cek atau IBG bagi tujuan bayaran sahaja.

Kampus Cawangan adalah bertanggungjawab untuk melekatkan label pada aset terlibat yang diterima daripada pihak Kampus Induk dan menjalankan kerja-kerja verifikasi aset.

Tatacara ini harus dibaca bersama dengan Prosedur Bayaran Tabung Penggantian Aset Universiti.

TARIKH KUATKUASA

3. Tatabara sistem perakaunan berkomputer berkaitan **Struktur Kod Akaun Tabung Penggantian Aset Universiti** berkuatkuasa mulai 1 Januari 2007.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(ROHAYATI MOHD ISA)

Timbalan Bendahari
Seksyen Sistem, Akaun dan Pengurusan Data
Universiti Sains Malaysia

1 Januari 2007